



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA

# BUKU PANDUAN PENGAWAS SEKOLAH

BAHAGIAN PENGURUSAN  
SEKOLAH HARIAN



BUKU PANDUAN  
**PENGAWAS  
SEKOLAH**

BAHAGIAN PENGURUSAN  
SEKOLAH HARIAN



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA

**HAK CIPTA**  
**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

ISBN 983-3597-01-7

Hak cipta terpelihara.  
Kecuali untuk tujuan pendidikan yang tidak ada kepentingan komersil, tidak dibenarkan sesiapa mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara pun, sama ada secara elektronik, fotokopi mekanik rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pendidikan Malaysia.  
Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diterbitkan oleh:



Bahagian Pengurusan Sekolah Harian  
**Kementerian Pendidikan Malaysia**  
Aras 3 & 4, Blok E2,  
Kompleks Kerajaan Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62604 Putrajaya.

BUKU PANDUAN PENGAWAS SEKOLAH  
BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH HARIAN

## PRAKATA

Buku Panduan Pengawas Sekolah dihasilkan sebagai satu garis panduan kepada guru dan pengawas sekolah dalam melaksanakan tugas-tugas pengawas dengan berkesan di sekolah. Buku ini diharapkan dapat membantu para pengawas sekolah melaksanakan tugas-tugas yang telah dipertanggungjawabkan. Sesungguhnya, untuk memastikan sesuatu tugas dapat dijalankan dengan lancar dan sistematik, kita harus berpandukan bahan rujukan yang berkualiti demi meminimumkan sebarang kelemahan dan kesilapan.

Buku Panduan Pengawas Sekolah ini mengandungi maklumat yang berkaitan dengan pengurusan pengawas sekolah yang merangkumi carta organisasi, jawatankuasa pengawas sekolah dan carta aliran pengurusan pengawas sekolah. Selain itu, buku ini juga menerangkan peranan guru pengawas dan tanggungjawab pengawas sekolah. Contoh borang-borang yang berkaitan turut dimuatkan di dalam buku ini.

Buku Panduan Pengawas sekolah ini diharapkan dapat digunakan di semua sekolah rendah dan menengah di Malaysia agar dapat melahirkan pengawas sekolah yang cemerlang dan menampilkan perwatakan yang baik serta terpuji untuk menjadi generasi terbilang.



# KATA ALU-ALUAN MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.*

Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pihak khususnya Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pendidikan Malaysia atas usaha dan inisiatif menerbitkan Buku Panduan Pengawas Sekolah. Saya percaya buku ini akan dapat dijadikan sebagai bahan rujukan utama jawatankuasa pengawas sekolah.

Sekolah sebagai institusi pendidikan formal yang penting dalam usaha mendidik dan seterusnya melahirkan masyarakat yang berguna dan produktif. Dalam hal ini, sekolah bukan sahaja berperanan mendidik murid-murid dalam memperkembang ilmu pengetahuan dan kebolehan intelektual tetapi juga memastikan murid-murid memiliki tahap moral diri dan kemahiran sosial yang baik serta berkualiti. Murid yang berjaya dalam segala bidang kehidupan sering kali terdiri daripada mereka yang berdisiplin dan memiliki keperibadian yang unggul. Selaras dengan itu, pentadbir sekolah memainkan peranan penting untuk membentuk disiplin murid dan dibantu oleh guru-guru dan pengawas sekolah.

Dalam hal ini, penerbitan Buku Panduan Pengawas Sekolah oleh Kementerian Pendidikan Malaysia akan membantu pihak sekolah meningkatkan keberkesanan tugas-tugas pengawas di sekolah. Pengawas sekolah merupakan pemimpin murid yang dapat membantu pihak sekolah menjalankan tugas-tugas mengawal disiplin murid. Mereka perlu dilatih bertanggungjawab dan berketerampilan dalam melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan berdasarkan garis panduan yang dibekalkan.

Akhir kata, penghasilan Buku Panduan Pengawas Sekolah ini akan memberikan manfaat kepada sekolah-sekolah dalam melahirkan modal insan yang mematuhi peraturan serta memiliki ketinggian peribadi dengan harapan amalan-amalan positif yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) tercapai.

**TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD YASSIN**  
Menteri Pendidikan Malaysia.

# KATA ALU-ALUAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.*

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin-Nya, Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pendidikan Malaysia dapat menghasilkan Buku Panduan Pengawas Sekolah sebagai panduan dan rujukan kepada sekolah dalam menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan pengawas sekolah.

Sesungguhnya, tugas menangani disiplin murid adalah sangat mencabar. Oleh itu, pihak sekolah haruslah menyedari bahawa pentingnya unsur kebijaksanaan dalam menangani masalah dengan berlandaskan undang-undang dan pekeliling-pekeliling sedia ada. Komitmen daripada guru-guru pengawas dan pengawas sekolah amat diperlukan dalam menjayakan setiap usaha bagi memastikan iklim dan persekitaran sekolah yang kondusif dapat diwujudkan bagi merangsang perkembangan murid sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Harapan Kementerian Pendidikan Malaysia agar Buku Panduan Pengawas Sekolah ini dapat digunakan sepenuhnya oleh Jawatankuasa Pengawas Sekolah untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka dengan lebih berkesan. Dengan ini, mereka akan dapat membantu guru-guru dalam hal-hal yang berkaitan dengan pembangunan sahsiah ke arah melahirkan insan yang seimbang.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam menghasilkan Buku Panduan Pengawas Sekolah ini. Semoga buku panduan ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya untuk memantapkan pengurusan pengawas dan dapat memupuk sikap kepemimpinan dalam diri pengawas.

**DATO' SRI DR KHAIR BIN MOHAMAD YUSOF**  
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia



# KATA ALU-ALUAN PENGARAH BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH HARIAN

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera*

Saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada pasukan penggubal Buku Panduan Pengawas Sekolah. Penghasilan buku ini telah dapat direalisasikan dengan komitmen yang padu dan idea-idea bernas yang disumbangkan oleh semua pihak yang terlibat.

Buku Panduan Pengawas Sekolah dihasilkan bertujuan untuk memberikan panduan yang lengkap kepada Jawatankuasa Pengawas Sekolah untuk melaksanakan tugas. Selain itu, buku ini juga boleh dijadikan wahana bagi merealisasikan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia dalam memantapkan pengurusan pengawas sekolah. Seterusnya dapat menampilkan perwatakan yang baik dan terpuji dalam usaha melahirkan murid yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani.

Sesungguhnya, tugas untuk membentuk sahsiah murid adalah sangat mencabar. Sehubungan dengan itu, saya berharap Buku Panduan Pengawas Sekolah ini dapat memudahkan dan meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan jawatankuasa pengawas di sekolah. Dengan ini, pengawas-pengawas sekolah akan lebih memahami tugas dan tanggungjawab mereka serta dapat melaksanakannya dengan efisien.

Akhir kata, saya berharap agar pihak sekolah dapat menggunakan sepenuhnya Buku Panduan Pengawas Sekolah ini agar dapat melahirkan pengawas yang berdisiplin, berketerampilan, proaktif dan dinamik dalam menjalankan tanggungjawab kerana pengawas cemerlang menjanakan generasi terbilang.

**ABDULLAH BIN MAD YUNUS**

Pengarah  
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian  
Kementerian Pendidikan Malaysia

V

BUKU PANDUAN PENGAWAS SEKOLAH  
BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH HARIAN

# KANDUNGAN

	Mukasurat
1. Prakata	II
2. Kata alu-aluan:	
Menteri Pendidikan Malaysia	III
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia	IV
Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Harian	V
3. Kandungan	VI
4. Pengenalan	
Pendahuluan	1
Visi	1
Misi	1
Matlamat	1
Objektif	2
Moto pengawas	2
Logo pengawas	2
Ikrar pengawas	3
Lagu pengawas	4
5. Carta organisasi	
Carta organisasi pengawas sekolah (Guru)	5
Carta organisasi jawatankuasa pengawas (Murid)	6
6. Tugas dan peranan jawatankuasa pengawas	
Jawatankuasa pengawas (Guru)	7
Jawatankuasa pengawas (Murid)	8
7. Carta aliran	
Carta aliran pelantikan pengawas sekolah	11
Carta aliran pelantikan Ketua Pengawas	12
Carta aliran tindakan tatatertib pengawas sekolah	15
Carta aliran peletakan jawatan pengawas sekolah	17
Carta aliran penghargaan pengawas sekolah	19
8. Lampiran	21
9. Jawatankuasa Penulisan	65







## KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

# Pengenalan

### 1.1 PENDAHULUAN

Dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan, pendidikan di negara kita menjadi wahana utama untuk memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu bagi melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Sehubungan dengan itu, sekolah sebagai institusi pendidikan formal berperanan untuk mencapai matlamat tersebut. Selaras dengan itu, pentadbir sekolah memainkan peranan penting untuk membentuk sahsiah murid dengan dibantu oleh guru-guru dan jawatankuasa pengawas sekolah.

Sememangnya tidak dapat dinafikan lagi bahawa pengawas sekolah ialah jawatankuasa yang penting dan bertanggungjawab membantu guru memastikan sahsiah murid mantap dan suasana sekolah berada dalam keadaan terkawal. Mengikut Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.9/1975:

**“... Pengawas-pengawas sekolah / ketua-ketua murid (School Prefects) mestilah faham benar-benar akan tugas dan tanggungjawab mereka... Mereka juga hendaklah memahami bahawa pelantikan mereka itu bertujuan membantu pihak yang berkuasa sekolah dalam memelihara tata tertib.”**

Oleh itu, Buku Panduan Pengawas Sekolah yang dihasilkan ini dapat membantu pengawas sekolah menjalankan tugas dan tanggungjawab yang efisien. Sebagai pemimpin murid, adalah wajar pengawas sekolah menunjukkan keterampilan dan sahsiah yang positif agar dapat dijadikan teladan kepada murid-murid lain.

### 1.2 VISI

Pengawas cemerlang menjanakan generasi terbilang.

### 1.3 MISI

Melahirkan pengawas yang berdisiplin, berketerampilan, proaktif dan dinamik

### 1.4 MATLAMAT

Memastikan semua murid mematuhi dan menghayati peraturan-peraturan sekolah bagi



meningkatkan kecemerlangan dalam bidang akademik, sahsiah dan kokurikulum melalui kemahiran kepimpinan pengawas.

### **1.5 OBJEKTIF**

- 1.5.1 Menjalankan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan dengan dedikasi, ikhlas, bertanggungjawab selaras dengan visi dan misi pengawas.
- 1.5.2 Mempunyai disiplin dan jati diri yang tinggi serta sentiasa berbakti kepada sekolah
- 1.5.3 Memelihara, menjaga dan meningkatkan imej sekolah pada setiap masa
- 1.5.4 Bekerjasama dan membantu guru-guru dalam memastikan semua murid mematuhi dan menghayati peraturan dan disiplin sekolah.

### **1.6 MOTO PENGAWAS**

Berkhidmat untuk Memimpin

### **1.7 LOGO PENGAWAS**



#### **1.7.1 Penerangan Logo**

- i. Tangan yang menggenggam menggambarkan pengawas sekolah adalah sebagai pemegang amanah untuk membantu menguat kuasa peraturan sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia.
- ii. Warna merah menunjukkan pengawas sekolah perlu memiliki sifat berani dalam melaksanakan tugas.
- iii. Warna putih menunjukkan pengawas sekolah perlu menjalankan tugas dengan penuh amanah dan keikhlasan.
- iv. Warna biru menunjukkan pengawas perlu melaksanakan tugas secara adil tanpa mengira bangsa demi mengekalkan perpaduan.
- v. Bintang pecah 14 melambangkan negeri-negeri di Malaysia.

**1.8 IKRAR PENGAWAS**

Bahawasanya kami, Pengawas Sekolah (sebutkan nama sekolah) berikrar dan berjanji bahawa kami akan :

- 1.8.1 Mematuhi ajaran agama
- 1.8.2 Sentiasa beretika dan berdisiplin
- 1.8.3 Menjalankan tugas dengan taat dan setia
- 1.8.4 Melaksanakan dan membantu menguatkuasakan peraturan sekolah
- 1.8.5 Sayang akan sekolah
- 1.8.6 Menjaga nama baik sekolah.



# WAWASAN KAMI ( LAGU PENGAWAS )

Lagu : Azhari Mohd Kassim

Lirik : Azhari Mohd Kassim

$\text{♩} = 110$

Men ja na kan ge ne ra si ter bi lang Di sip lin lan da san u ta ma ka mi Ka mi  
ber ik rar ka mi ber jan ji Pe nga wa san yang ber kua li ti. Ha ra pan dan has rat se  
mua Me la hir kan in san bes ta ri Ka mi ber sa ma ka mi ber us ha Ting kat  
kan ke ce mer la ngan. Pe nga was yang ber bak ti De mi ra kan dan di  
ri Mem ban tu gu ru men ja ya kan Se ko lah ber pres ta si ting gi Bu  
di ba ha sa di jun jung Ru kun ne ga ra di ha ya ti Ber tu  
gas pe nuh de di ka si Men ja di mat la mat ka mi. men ja mi


Copyright © azharimohdkassim

# CARTA ORGANISASI

## 2.1 CARTA ORGANISASI JAWATANKUASA PENGAWAS SEKOLAH (GURU)



2.2 CARTA ORGANISASI JAWATANKUASA PENGAWAS SEKOLAH (MURID)



\* Jawatankuasa lain tertakluk kepada keperluan sekolah

### 3.1 PERANAN JAWATANKUASA TERTINGGI PENGAWAS GURU

#### **PENGETUA/GURU BESAR**

- a. Menjadi penasihat jawatankuasa pengawas sekolah
- b. Menentukan polisi-polisi disiplin sekolah dilaksanakan oleh unit Hal Ehwal Murid (HEM).

#### **GURU PENOLONG KANAN HEM**

- a. Pengerusi jawatankuasa pengawas sekolah.
- b. Menyelia dan mengawal dasar dan objektif jawatankuasa pengawas.
- c. Membimbing guru pengawas dalam menguruskan jawatankuasa pengawas sekolah.

#### **KETUA GURU DISIPLIN**

- a. Timbalan pengerusi jawatankuasa pengawas sekolah.
- b. Membantu dalam memberikan garis panduan dalam pengurusan disiplin sekolah.

#### **KETUA GURU PENGAWAS/GURU PENOLONG (Sesi Petang)**

- a. Setiausaha dan penolong setiausaha jawatankuasa pengawas sekolah.
- b. Mengadakan mesyuarat rasmi sekurang-kurangnya 3 kali setahun, (mesyuarat perancangan awal tahun, mesyuarat pertengahan tahun dan mesyuarat agung tahunan).
- c. Menyenaraikan dan mengemukakan calon pengawas kepada Penolong Kanan HEM.
- d. Menyediakan dan menerangkan bidang tugas dan jadual tugas pengawas sekolah.
- e. Membimbing dan membantu pengawas dalam menguatkuasakan peraturan sekolah.
- f. Bekerjasama dengan **Setiausaha Disiplin** dan Unit Bimbingan dan Kaunseling sekolah dalam mengendalikan kursus kepemimpinan pengawas.
- g. Mengendalikan Majlis Pelantikan Pengawas.
- h. Menyediakan sijil penghargaan kepada pengawas.
- i. Memantau pengawas semasa menjalankan tugas.
- j. Menyemak laporan bulanan termasuk minit mesyuarat atau laporan perjumpaan pengawas.
- k. Melaksanakan arahan yang dikeluarkan oleh pengetua/guru besar dari semasa ke semasa.

#### **GURU-GURU PENGAWAS**

- a. Membantu ketua guru pengawas/guru penolong dalam menguruskan jawatankuasa pengawas sekolah.

#### **GURU-GURU DISIPLIN**

- a. Membantu dan membimbing jawatankuasa pengawas dalam pengurusan hal ehwal disiplin murid.



### **GURU BIMBINGAN DAN KAUNSELING**

- a. Memberikan sokongan dan motivasi kepada jawatankuasa pengawas sekolah (murid).
- b. Mengaturkan program kursus kepemimpinan pengawas.
- c. Memberikan khidmat nasihat kepada pengawas sekolah.

## **3.2 PERANAN JAWATANKUASA TERTINGGI PENGAWAS (MURID)**

### **KETUA PENGAWAS**

- a. Memastikan visi dan misi pengawas diketahui, difahami dan dilaksanakan oleh semua pengawas.
- b. Memastikan peranan **Jawatankuasa Pengawas** diketahui, difahami dan dilaksanakan.
- c. Menjadi pemimpin/ketua kepada semua pengawas.
- d. Sentiasa memperlihatkan kepemimpinan/ketokohan sebagai pengawas.
- e. Memberikan arahan dan mengagihkan tugas pengawas berdasarkan arahan guru dan pentadbir sekolah.
- f. Memastikan setiap biro jawatankuasa pengawas merancang dan melaksanakan aktiviti dengan bimbingan guru pengawas.
- g. Memastikan tugas dan arahan dipatuhi oleh semua pengawas.
- h. Menerima dan menyemak laporan mingguan setiap biro sebelum dihantar kepada guru pengawas.
- i. Mengadakan perjumpaan pengawas seperti yang diarahkan oleh guru pengawas.
- j. Mepengerusikan mesyuarat pengawas dan perjumpaan pengawas.

### **PENOLONG KETUA PENGAWAS (I dan II)**

- a. Mengambil alih tugas-tugas ketua pengawas semasa ketiadaannya.
- b. Membantu ketua pengawas melaksanakan setiap tugas yang dipertanggungjawabkan.
- c. Membantu mengagihkan tugas kepada para pengawas.
- d. Membimbing pengawas dalam menjalankan tugas.
- e. Penolong Ketua Pengawas II akan mengambil alih tugas-tugas berkenaan semasa ketiadaan Ketua Pengawas dan Penolong Ketua Pengawas I.

### **SETIAUSAHA/PENOLONG SETIAUSAHA**

- a. Menguruskan fail-fail pengawas.
- b. Mencatat minit mesyuarat semasa mesyuarat dan membuat catatan perjumpaan pengawas.
- c. Menyiapkan minit mesyuarat dalam tempoh yang ditetapkan (**rujuk lampiran 9**).
- d. Mengumpul laporan setiap aktiviti yang dijalankan oleh biro.



- e. Mengendalikan urusan surat-menyurat.
- f. Mengatur tempat atau menyediakan keperluan mesyuarat untuk melancarkan perjalanan mesyuarat.

#### **BENDAHARI/ PENOLONG BENDAHARI**

- a. Menerima wang derma/sumbangan daripada ahli.
- b. Mencatat wang masuk dan keluar dalam buku laporan kewangan.
- c. Menyerahkan segala kutipan untuk disimpan oleh guru pengawas.
- d. Mengeluarkan resit bagi penerimaan dan pembayaran yang dibuat.
- e. Memastikan penyata kewangan sentiasa dikemas kini.

#### **AHLI JAWATANKUASA**

##### **BIRO DISIPLIN**

- a. Mengawal disiplin pengawas.
- b. Menasihati dan melaporkan murid yang melakukan kesalahan kepada guru disiplin.
- c. Membantu guru disiplin membuat pemeriksaan ke atas murid atau pengawas apabila diarahkan oleh pentadbiran sekolah.
- d. Menyediakan notis salah laku. (**rujuk lampiran 19**)
- e. Meronda kawasan yang telah ditetapkan mengikut jadual bertugas.
- f. Membantu guru disiplin mencatat nama murid yang melakukan salah laku daripada setiap buku kawalan kelas.
- g. Membantu guru bertugas untuk mencatat murid yang datang lewat
- h. Mengemas kini fail disiplin pengawas.
- i. Merekod kesalahan disiplin pengawas

##### **BIRO KEBAJIKAN**

- a. Merancang aktiviti bagi menjaga kebajikan pengawas.
- b. Memastikan bilik pengawas dalam keadaan yang baik.
- c. Memastikan semua peralatan pengawas seperti blazer atau 'vest' dalam keadaan baik.
- d. Membantu guru menyediakan tag nama bagi setiap pengawas yang baru.
- e. Membantu guru memungut sumbangan untuk kebajikan murid.

##### **BIRO KEROHANIAN/BINA INSAN**

- a. \*Membantu guru menyediakan doa-doa yang lengkap untuk majlis-majlis rasmi atau semasa perhimpunan (**rujuk lampiran 15**)
- b. \*Membaca doa untuk majlis-majlis rasmi atau semasa perhimpunan.
- c. \*Membuat jadual giliran tugas membaca doa untuk perhimpunan harian.
- d. Membantu meningkatkan nilai akhlak murid tanpa mengira agama, bangsa dan latar belakang mereka.
- e. Mengatur program-program kerohanian dan sahsiah untuk pengawas.



- f. Menerbitkan buletin yang berkaitan dengan peningkatan motivasi diri murid dan pengawas.  
(\* Untuk pengawas beragama Islam sahaja.)

#### **BIRO KECERIAAN**

- a. Memastikan bilik pengawas serta papan kenyataan ceria, bersih dan kemas.
- b. Membuat laporan dari semasa ke semasa kepada guru pengawas tentang bilik pengawas.
- c. Menjaga barangan elektronik dan komputer jawatankuasa pengawas.
- d. Memastikan semua fail-fail pengawas berada di dalam bilik pengawas.

#### **BIRO PENERANGAN**

- a. Membuat pengumuman dari semasa ke semasa seperti yang diarahkan.
- b. Mengemas kini sebarang maklumat di papan kenyataan.
- c. Mengemas kini laman blog jawatankuasa pengawas sekolah.
- d. Menyediakan teks pengerusi majlis mengikut protokol sama ada dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris dengan bantuan guru (rujuk lampiran 15).


#### **BIRO AKADEMIK DAN SUKAN**

- a. Melaksanakan sebarang aktiviti sukan jawatankuasa pengawas.
- b. Menyediakan info berkenaan akademik dan sukan dalam bentuk buletin atau dipaparkan pada papan kenyataan.
- c. Membantu guru dalam mengemas kini papan kira detik (countdown) peperiksaan untuk makluman murid..
- d. Mengumpulkan markah ujian atau peperiksaan ahli jawatankuasa pengawas dan membuat laporan untuk diserahkan kepada guru pengawas.

#### **BIRO TUGAS-TUGAS KHAS**

- a. Membantu dalam menguruskan sistem siaraya semasa majlis rasmi dan perhimpunan sekolah.
- b. Menguruskan siaran lagu-lagu rasmi sekolah.
- c. Menyediakan tempat duduk untuk pentadbir sekolah serta guru-guru semasa majlis perhimpunan.
- d. Menguruskan, menaikkan dan menurunkan bendera semasa perhimpunan sekolah.
- e. Mengatur kedudukan pengawas di setiap kelas bagi memastikan perjalanan perhimpunan berjalan lancar tanpa sebarang gangguan.
- f. Melaporkan keselamatan sekolah kepada guru bertugas.
- g. Menguruskan protokol bagi sesuatu majlis.


4.1 CARTA ALIRAN PERMOHONAN DAN PELANTIKAN PENGAWAS SEKOLAH



## PROSEDUR PELANTIKAN PENGAWAS SEKOLAH

LANGKAH	PROSES	TINDAKAN
1	<p>Pemilihan</p> <p>1.1 Menyediakan borang pencalonan pelantikan pengawas</p> <p>1.2 Menyediakan senarai lengkap pencalonan pengawas untuk sesi temuduga.</p>	Guru pengawas
2	<p>Temuduga</p> <p>2.1 Menjalankan proses temuduga mengikut borang pencalonan pelantikan pengawas berdasarkan tarikh dan masa yang ditetapkan</p> <p>2.2 Calon yang layak akan menjalani latihan sebagai pengawas percubaan.</p> <p>2.3 Calon yang gagal boleh mencuba pada permohonan pada masa akan datang.</p>	Jawatankuasa pemilihan pengawas (Guru)
3	<p>Pengawas percubaan</p> <p>3.1 Pengawas percubaan akan diberikan sesi latihan dan bimbingan dalam tempoh sebulan dari tarikh yang ditetapkan.</p>	Jawatankuasa pemilihan pengawas
4	<p>Mesyuarat pemilihan</p> <p>4.1 Penilaian pelantikan pengawas akan dilakukan setelah tamat tempoh percubaan.</p> <p>4.2 Pengawas percubaan yang terpilih akan dilantik sebagai pengawas sekolah.</p> <p>4.3 Pengawas percubaan yang gagal boleh mencuba pada permohonan pada masa akan datang.</p>	Jawatankuasa pemilihan pengawas
5	<p>Pelantikan pengawas</p> <p>5.1 Pengawas yang terpilih akan dilantik secara rasmi dalam Majlis Perlantikan Watikah Pengawas.</p> <p>5.2 Senarai jawatankuasa yang dilantik secara rasmi akan dipamerkan di papan kenyataan pengawas.</p>	Jawatankuasa pemilihan pengawas


#### 4.2 CARTA ALIRAN PELANTIKAN KETUA PENGAWAS (MURID)



## PROSEDUR PERLANTIKAN KETUA PENGAWAS (MURID)

LANGKAH	PROSES	TINDAKAN
1	<p>Pencalonan</p> <p>1.1 Mengenal pasti pengawas yang berkeelayakan untuk dicalonkan sebagai Ketua Pengawas pada tahun berikutnya.</p>	<p>Guru Pengawas Guru Disiplin GPK Hem</p>
2	<p>Pencalonan daripada Guru</p> <p>2.1 Mengumpul senarai pencalonan dari guru. 2.2 Menyerahkan senarai nama calon kepada panel pemilihan.</p>	<p>Guru Pengawas</p>
3	<p>Panel Pemilihan</p> <p>3.1 Mengadakan mesyuarat bagi memilih calon yang layak. 3.2 Memutuskan calon yang berkeelayakan.</p>	<p>Pengetua/Guru GPK Hem GPK Pentadbiran GPK Kokurikulum Guru Disiplin Guru Pengawas</p>
4	<p>Perlantikan Ketua Pengawas</p> <p>4.1 Dilantik pada satu majlis perantikan Pengawas dan Ketua Pengawas.</p>	<p>Guru Pengawas</p>

#### 4.3 CARTA ALIRAN TINDAKAN TATATERTIB PENGAWAS SEKOLAH




## PROSEDUR TINDAKAN TATATERTIB PENGAWAS SEKOLAH

LANGKAH	PROSES	TINDAKAN
1	<p>Aduan salah laku</p> <p>1.1 Menerima aduan salah laku pengawas</p> <p>1.2 Mencatat butiran salah laku :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Nama pengawas terlibat</li> <li>• Tarikh dan masa</li> <li>• Jenis salah laku</li> <li>• Saksi</li> <li>• Bahan bukti (jika ada)</li> </ul>	Guru Pengawas/ Guru Aduan
2	<p>Siasatan kes salah laku</p> <p>2.1 Sesi siasatan pengawas yang terlibat</p> <p>2.2 Sesi soal siasat saksi</p> <p>2.3 Pengecaman bahan bukti (jika ada)</p> <p>2.4 Mengenal pasti punca</p> <p>2.5 Menentukan kesahihan</p> <p>2.6 Menerima pengakuan pengawas yang berkenaan</p> <p>2.7 Mengisi borang salah laku</p>	Guru Pengawas / Guru Disiplin
3	<p>Mengadakan Mesyuarat</p> <p>3.1 Membentangkan kes salah laku dalam mesyuarat</p> <p>3.2 Membuat keputusan</p>	Pengetua/Guru Besar GPK HEM Guru Pengawas
4	<p>Hukuman</p> <p>4.1 Menentukan jenis hukuman</p> <p>4.2 Menjatuhkan hukuman</p> <p>Amaran (Lampiran 3)</p> <p>Gantung Tugas (Lampiran 6)</p> <p>Buang / Lucut Jawatan (Lampiran 5)</p>	Pengetua/ Guru Besar Guru Pengawas
5	<p>Laporan</p> <p>5.1 Menyediakan laporan lengkap</p> <p>5.2 Memaklumkan kepada ibu bapa</p> <p>5.3 Memastikan pengawas yang terlibat menjalani sesi kaunseling</p>	Guru Pengawas




#### 4.4 CARTA ALIRAN PELETAKAN JAWATAN PENGAWAS SEKOLAH



## PROSEDUR PELETAKAN JAWATAN

LANGKAH	PROSES	TINDAKAN
1	Terima surat peletakan jawatan	Ketua Guru Pengawas
2	Mesyuarat Jawatankuasa Pengawas (Guru) 2.1 Membentang nama pengawas yang ingin meletak jawatan. 2.2 Membincangkan sebab-sebab peletakan jawatan.	GPK HEM- Jawatankuasa Pengawas (Guru)
3	Membuat keputusan 3.1 Mesyuarat membuat keputusan menerima atau menolak permohonan peletakan jawatan pengawas. 3.2 Jika permohonan ditolak, pengawas akan kekal sebagai pengawas sekolah. 3.3 Jika permohonan diterima, pengawas akan menjadi murid biasa di sekolah.	1. GPK HEM 2. Jawatankuasa Pengawas (Guru)

#### 4.5 CARTA ALIRAN PENGHARGAAN PENGAWAS



**PROSEDUR MAJLIS PENGHARGAAN PENGAWAS SEKOLAH**

LANGKAH	PROSES	TINDAKAN
1	Pencalonan 1.1. Menyediakan borang pencalonan Untuk Majlis Penghargaan	Guru Pengawas
2	Mesyuarat Jawatankuasa pengawas (murid) 2.1. Mengumpul dan memeriksa Nama, Nombor Kad Pengenalan, Jawatan yang disandang pada tahun semasa. 2.2. Menyediakan senarai lengkap nama pengawas untuk dianugerahkan Sijil Penghargaan pada tahun berkenaan.	JK Pengawas Sekolah (Murid)
3	Mesyuarat jawatankuasa pengawas guru 3.1. Menerima senarai nama calon daripada Jawatankuasa Pengawas (Murid) yang lengkap untuk proses pemberian sijil. 3.2. Mengenal pasti pengawas yang layak untuk menerima sijil 3.3. Mengenal pasti pengawas yang mempunyai kes salah laku murid mengemukakan surat rayuan merujuk kepada salah laku Murid.	JK Pengawas Sekolah (Guru)
4	Rayuan 4.1 Memastikan nama pengawas yang dirujuk kepada Panel Rayuan telah diterima seminggu ( <b>7 Hari</b> ) sebelum Majlis Penghargaan diadakan. 4.2 Menimbang rayuan kes salah laku pengawas oleh Jawatankuasa Pengawas (GURU). 4.3 Jika rayuan gagal, pengawas tidak layak menerima Sijil Penghargaan.	JK Pengawas Sekolah (Guru)
5	Pemberian Sijil Penghargaan 5.1. Dikeluarkan pada satu majlis meraikan sumbangan dan sokongan pengawas berdasarkan senarai nama yang telah dikemukakan kepada Jawatankuasa Pengawas Sekolah (GURU).	JK Pengawas Sekolah (Guru)

## LAMPIRAN

LAMPIRAN	PERKARA
Lampiran 1	Borang Permohonan Jawatan Pengawas Sekolah
Lampiran 2	Surat Pelantikan Pengawas Sekolah
Lampiran 3	Surat Amaran Salahlaku
Lampiran 4	Surat Permohonan Kebenaran Memungut Sumbangan
Lampiran 5	Surat Pelucutan Jawatan Pengawas Sekolah
Lampiran 6	Surat Gantung Tugas Pengawas Sekolah
Lampiran 7	Surat Jemputan Mesyuarat Ahli Jawatankuasa
Lampiran 8	Surat Jemputan Mesyuarat Agung Tahunan
Lampiran 9	Contoh Minit Mesyuarat
Lampiran 10, 10a, 10b, 10c, 10d	Contoh Kertas Kerja
Lampiran 11	Contoh Sijil Pelantikan
Lampiran 12	Contoh-contoh Sijil Penyertaan
Lampiran 13	Contoh Sijil Penghargaan
Lampiran 14	Contoh Surat-surat Permohonan Lawatan
Lampiran 15	Contoh Teks Majlis Perhimpunan Rasmi
Lampiran 16	Contoh Laporan Aktiviti/Program Pengawas
Lampiran 17	Contoh Rekod Pungutan Kewangan Tabung Pengawas dan Penyata Tahunan
Lampiran 18	Contoh Buku Laporan Pengawas
Lampiran 19	Contoh Notis Salah Laku murid



**BORANG PERMOHONAN JAWATAN PENGAWAS SEKOLAH  
SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN (NAMA SEKOLAH)**



Nama : .....

Jantina : .....

Tarikh Lahir/Tempat Lahir : .....

No. Kad Pengenalan : .....

Tahun/Tingkatan : .....

Bangsa : .....

Agama : .....

Alamat Tempat Tinggal : .....

Telefon Rumah/Bimbit : .....

Hobi : .....

Pengalaman Menjadi Pengawas : .....

Kelulusan Akademik : (i) UPSR : .....

(ii) PT3 : .....

(iii) SPM : .....

Penglibatan Kokurikulum :

Tahun	Persatuan/ Kelab	Unit Beruniform	Sukan & Permainan

Matlamat/Tujuan Menjadi Pengawas :

.....

.....

.....

Sokongan Guru : *Tandatangan Guru*  
.....  
( *Nama Guru* )

Ulasan Guru:

**JAWATANKUASA PEMILIHAN PENGAWAS (Nama Sekolah)**

1. Calon layak :
2. Calon tidak layak :
3. Calon dalam perhatian (KIV) :

Guru Pengawas : *Tandatangan Guru*  
.....  
( *Nama Guru* )

Ulasan Guru Pengawas:



## LAMPIRAN 2

(Surat Pelantikan Pengawas Sekolah)

(Kepala Surat Sekolah)

Ruj. Kami : (fail sekolah)

Tarikh :

Nama ibu bapa/penjaga .....

Alamat .....

.....

Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**TAWARAN PELANTIKAN PENGAWAS SEKOLAH BAGI SESI PERSEKOLAHAN .....**

**(NAMA SEKOLAH) .....**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa anak tuan yang bernama (Nama murid & tahun/tingkatan) telah dilantik sebagai pengawas sekolah.

3. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Pengawas Sekolah ingin memohon kebenaran tuan atas pelantikan tersebut.

4. Walau bagaimanapun, tuan diingatkan bahawa pelantikan ini adalah berdasarkan kepada beberapa syarat iaitu:

- a. Ibu bapa perlu memastikan bahawa murid ini hadir awal ke sekolah pada setiap hari, iaitu selewat-lewatnya pada jam .....
- b. Murid ini dapat menjalankan tugas-tugas yang diamanahkan kepadanya dengan baik.
- c. Murid tidak mengabaikan pelajarannya.
- d. Lantikan dari setahun ke setahun berikutnya tidak secara automatik tetapi akan dinilai prestasinya dari semasa ke semasa.
- e. Sekiranya murid ini melakukan sebarang salah laku dan tidak menjalankan tugas seperti yang diharapkan, maka pihak Jawatankuasa Pengawas Sekolah berhak menarik balik pelantikan



jawatan tersebut (melucutkan jawatan) dengan serta merta. Peletakan jawatan tanpa sebab yang munasabah adalah tidak dibenarkan.

- f. Bersedia untuk membeli pakaian/uniform dan semua kelengkapan seperti yang diarahkan oleh pihak Jawatankuasa Pengawas Sekolah.
  - g. Murid wajib menghadiri kursus serta aktiviti yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Pengawas Sekolah atau pihak sekolah seperti yang akan ditetapkan.
  5. Dengan pelantikan sebagai pengawas, pihak sekolah berharap akan dapat melatih dan melahirkan ramai bakal pemimpin pada masa yang akan datang.
6. Segala sokongan dan keprihatinan daripada pihak tuan amat kami hargai demi kebaikan bersama.

Sekian, terima kasih.

### **“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

.....  
( )

Pengetua/Guru Besar  
(Nama Sekolah)

- s.k.
1. *Jawatankuasa Pengurusan Disiplin Sekolah*
  2. *Unit Bimbingan dan Kaunseling*
  3. *Fail Pengawas*



Pengetua/Guru Besar  
SMK (Nama Sekolah)  
(Alamat Sekolah)

Tuan,

Tarikh:

### **KEBENARAN DILANTIK SEBAGAI PENGAWAS SEKOLAH**

Setelah membaca dan memahami syarat-syarat pelantikan, saya .....

.....ibu bapa/penjaga kepada  
.....dari tahun/tingkatan.....

**\*membenarkan / tidak membenarkan** anak saya dilantik sebagai Pengawas Sekolah SMK (Nama Sekolah) .....

Yang benar,

.....  
(Nama : )

No. Telefon: .....

**(Kepala Surat Sekolah)**

Ruj. Kami : (fail sekolah)

Tarikh :

Kepada,

.....

Saudara,

**AMARAN SALAHLAKU**

Merujuk kepada perkara di atas, Jawatankuasa Pengawas Sekolah ingin memperingatkan saudara supaya tidak melanggar mana-mana salah laku pengawas seperti mana yang telah dibincangkan pada

.....

2. Sekiranya saudara masih enggan mematuhi arahan setelah surat ini diterima, pihak Jawatankuasa Pengawas Sekolah tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan yang tegas.
3. Seorang pengawas sekolah hendaklah sentiasa menjaga tingkah laku dan keterampilan diri untuk menjadi contoh kepada murid lain.

Sekian, terima kasih

**‘ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ’**

Saya yang menurut perintah,

.....  
( )

Pengetua/Guru Besar,  
Nama Sekolah

- s.k.
1. *Guru Penolong Kanan HEM*
  2. *Guru Pengawas*



## LAMPIRAN 4

### (Surat Permohonan Kebenaran Memungut Sumbangan) (Kepala Surat Sekolah)

Ruj. Tuan :  
Ruj. Kami :  
Tarikh :

Pengetua/Guru Besar,  
(Nama Sekolah & Alamat)

Tuan,

#### **MEMOHON KELULUSAN UNTUK MEMUNGUT SUMBANGAN DALAM KALANGAN AHLI PENGAWAS SEKOLAH, (NAMA SEKOLAH) BAGI SESI PERSEKOLAHAN .....**

Dengan segala hormatnya, perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Pengawas Sekolah ini, ingin memohon kebenaran tuan untuk memungut sumbangan dalam kalangan ahli Jawatankuasa Pengawas Sekolah bermula dari tarikh 1 Januari (tahun semasa).

3. Bersama-sama surat permohonan ini, disertakan keputusan mesyuarat jawatankuasa mengenai jumlah pungutan derma yang dipohon untuk dikumpulkan daripada setiap ahli pengawas.

Kutipan setiap minggu	: RM .....
Kutipan setiap bulan	: RM .....
Kutipan setahun	: RM .....

4. Semoga perkara ini mendapat pertimbangan dan kelulusan daripada pihak tuan. Kerjasama tuan kami dahului dengan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih.

Sekian .

#### **“BERKHIDMAT UNTUK MEMIMPIN”**

Saya yang menurut perintah,

( )

Setiausaha,  
Jawatankuasa Pengawas Sekolah,  
Nama Sekolah

s.k. 1. Guru Penolong Kanan HEM  
2. Guru Penasihat Pengawas

## LAMPIRAN 5

(Surat Pelucutan Jawatan Pengawas Sekolah)

(Kepala Surat Sekolah)

Ruj. Kami : (fail sekolah)

Tarikh :

Nama ibu bapa/penjaga  
(Alamat)

Tuan,

### PELUCUTAN JAWATAN PENGAWAS SEKOLAH

(NAMA SEKOLAH).....

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk

2. Dimaklumkan bahawa anak tuan/puan bernama, (nama penuh & no. kad pengenalan) .....  
..... murid tahun/tingkatan ....., telah dilucutkan jawatan  
sebagai Pengawas Sekolah, (Nama Sekolah)..... bagi sesi persekolahan (tahun semasa).....  
berkuat kuasa mulai (tarikh semasa)..... Tindakan ini diambil setelah meneliti pandangan serta  
pendapat Jawatankuasa Pengawas melalui laporan tingkah laku serta laporan unit disiplin sekolah ini.

3. Pihak sekolah mengucapkan jutaan terima kasih atas sumbangan anak tuan selaku pemimpin  
murid sepanjang pelantikan sebagai pengawas di sekolah ini.

4. Semoga tuan/puan dapat menerima keputusan yang telah diambil oleh Jawatankuasa Penasihat  
Pengawas demi memartabatkan Jawatankuasa Badan Pengawas Sekolah supaya disanjung tinggi oleh  
murid-murid dan guru-guru dalam menjalankan tugas yang diamanahkan oleh pihak sekolah.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

( )

Pengetua/Guru Besar,

Nama sekolah

s.k. 1. Jawatankuasa Pengurusan Disiplin Sekolah

2. Unit Bimbingan dan Kaunseling

3. Fail Pengawas



## LAMPIRAN 6

(Surat Gantung Tugas Pengawas Sekolah)

(Kepala Surat Sekolah)

Ruj. Kami : (fail sekolah)

Tarikh :

Ibu bapa/penjaga  
Alamat

Tuan

### PEMBERITAHUAN GANTUNG TUGAS SELAKU PENGAWAS SEKOLAH

Dengan segala hormatnya perkara atas dirujuk.

2. Saya dengan ini mengambil keputusan bahawa anak/jagaan tuan/puan bernama .....no.SB/KP ..... digantung tugas selaku pengawas sekolah berkuat kuasa mulai (tarikh semasa)..... berdasarkan salah laku berikut:

**i. Kategori Kesalahan : (rujuk SSDM)**

**ii. Deskripsi Kesalahan:**

